



TEMUBUAL WAWANCARA BERSAMA ENCIK MOHD NOOR MAT AMIN

PENDAKI SOLO NEGARA

BERKHIDMAT DI UTUSAN MALAYSIA SEBAGAI JURUGAMBAR

PADA 1993 – SEKARANG

OLEH:

NUR IZIANA MAIZAN BINTI MOHD NOOR (2012734133)

NURUL HIDAYAH BINTI AMIR (2012592125)

**PROJEK DI MAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
(IMR 604: ORAL HISTORY)**

SEMESTER 5 (MAC 2014 – JULAI 2014)

	PERKARA	MUKA SURAT
	Penghargaan	i
1.0	Abstrak	ii
2.0	Singkatan	iii
3.0	Biodata Penulis	v
4.0	Pengenalan	1
5.0	Transkrip Wawancara	1-90
6.0	Log Wawancara	viii
7.0	Kronologi (Diari)	xxv
8.0	Biodata Tokoh	xxviii
9.0	Senarai Soalan Wawancara	xxxi
10.0	Ralat	liii
11.0	Senarai Rujukan	liv
12.0	Lampiran	
13.0	Index	lv
14.0	Glosari	lxi

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin meluahkan rasa syukur kami kerana kami telah berjaya menyelesaikan dan melengkapkan projek Sejarah Lisan kami bagi subjek IMR 604 (Oral History). Pelbagai halangan telah kami hadapi dengan tenang bagi memastikan tugas kami ini dapat disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh penasihat akademik kami untuk subjek IMR606 ini.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada penasihat akademik kami bagi subjek IMR604 ini iaitu Encik Mohd Faizal Bin Mohd Ramsi atas nasihat dan tunjuk ajar beliau untuk membantu kami menyiapkan projek Sejarah Lisan kami ini. Beliau juga sentiasa memantau dan memberi dorongan kepada kami dari minggu ke minggu bagi memastikan kami memenuhi piawaian bagi projek ini. Segala tunjuk ajar dan ilmu yang diturunkan kepada kami sepanjang projek Sejarah Lisan ini amat kami hargai.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Encik Mohd Noor Mat Amin iaitu Pendaki Solo Negara kerana sudi memberikan kerjasama menjadi tokoh untuk Projek Lisan kami ini. Kerjasama beliau yang tidak berbelah-bagi dengan meluangkan masa beliau untuk ditemubual amat kami hargai. Kerjasama yang beliau berikan amat membantu kami melengkapkan Projek Sejarah Lisan kami ini dengan jayanya. Kerjasama dari beliau amat kami hargai.

Selain itu, kami juga berterima kasih kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam Projek Lisan kami ini. Individu yang kami maksudkan ialah ibu bapa dan juga rakan-rakan kami. Tunjuk ajar dan dorongan dari mereka membantu kami menyiapkan tugas Projek Sejarah Lisan kami ini dengan jayanya dan menghasilkan Projek Sejarah Lisan yang terbaik.

Sekian terima kasih.

1.0 ABSTRAK

Abstrak : *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Pendaki Solo Negara iaitu Encik Mohd Noor Mat Amin yang dijalankan pada 12 April 2014 di Bilik Mesyuarat Utusan Malaysia. Encik Mohd Noor Mat Amin (Pendaki Solo) merupakan seorang jurukamera di Utusan Malaysia. Transkrip temubual ini mengandungi maklumat tentang latar belakang Pendaki Solo dan juga sejarah awal pembabitan beliau dalam bidang pendakian. Transkrip temubual ini lebih tertumpu kepada pencapaian tertinggi beliau dalam bidang pendakian sebagai seorang Pendaki Solo Negara iaitu misi-misi besar yang telah beliau lakukan sebelum ini. Beliau banyak berkongsi tentang pengalaman pahit manis dalam misi-misi yang dilakukan termasuk cabaran dan persediaan yang beliau lalui sebelum dan selepas misi-misi tersebut. Beliau juga menyampaikan pesanan dan harapan beliau terhadap generasi muda sekarang agar menyambung legasi beliau sebagai Pendaki Solo Negara yang sentiasa mencipta rekod baru melalui transkrip temubual ini.*

Kata Kunci : Pendaki Solo, pendaki, Utusan Malaysia, Malaysia Book of Records, Guinness World Records, Mohd Noor Mat Amin, Solo Climber.

2.0 SINGKATAN

B

BSN - Bank Simpanan Nasional
BASE Jump - Building, Athena, Span and
 Earth Jump

C

CEO - Chief Executive Officer

D

DMSELPA - Desert/Mountain Special
 Education Local Plan Area
DSLR - Digital Single-lens Reflect

K

KLCC - Kuala Lumpur Convention
 Centre

L

LO - Liaison Officer

N

NCP - Network Control Program
NGO - Non-Government
 Organization